

HUBUNGAN ANTARA AKTIVITI PEMBELAJARAN INFORMAL DENGAN
PRESTASI PEKERJA DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PERLIS

HASRUL HASNIZAM BIN SAAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

HUBUNGAN ANTARA AKTIVITI PEMBELAJARAN INFORMAL DENGAN
PRESTASI PEKERJA DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PERLIS

HASRUL HASNIZAM BIN SAAD

Disertasi ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2012

Didedikasikan khas buat **INSAN-INSAN YANG TERISTIMEWA.....**

Ibu bapa yang dihormati dan dicintai,

SALMA BINTI SAIDIN

SAAD BIN MAT ARIT

Adik-beradik yang disayangi,

IRFAHAIZAH BINTI SAAD

ARWAHYALYAM SYAHRUL ANUAR BIN SAAD

Terima kasih tidak terhingga atas sokongan, semangat, dorongan dan doa kalian

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya memberi kekuatan tenaga dan fikiran, serta kelapangan masa dapat saya menyiapkan disertasi yang memberi manfaat kepada saya. Sepanjang dalam tempoh menyediakan disertasi ini, telah banyak pengetahuan dan pengalaman yang telah saya kutip hasil pertemuan dengan individu-individu tertentu yang telah banyak membantu.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada individu yang menyelia dengan penuh sabar dan dedikasi dalam menyiapkan disertasi ini; Dr. Norhani BT Bakri. Terima kasih di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat serta motivasi yang diberikan. Tanpa dorongan yang berterusan daripada beliau, disertasi ini mungkin tidak sama seperti yang telah disiapkan kini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Aslah Bin Ali, Dr. Salmiah dan Dr. Rozeyta yang telah banyak memberi cadangan dan saranan untuk memperoleh hasil kajian yang lebih baik. Seterusnya, ucapan terima kasih diucapkan kepada staf akademik UTM yang terlibat dalam memberi maklum balas terhadap kajian saya ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada rakan-rakan yang melontarkan pendapat dan saranan serta individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menjayakan disertasi ini. Kerjasama dan jasa baik anda semua amatlah dihargai dan akan saya kenang selamanya.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara aktiviti pembelajaran informal dengan prestasi pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Seramai 105 orang pekerja daripada kumpulan sokongan telah dipilih untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Terdapat lima objektif yang dikaji iaitu tahap pembelajaran informal, aktiviti pembelajaran informal yang paling kerap digunakan, tahap prestasi kerja, hubungan antara aktiviti pembelajaran informal dengan prestasi kerja dan aktiviti pembelajaran informal yang paling mempengaruhi prestasi kerja. Pembolehubah bersandar melibatkan prestasi kerja manakala aktiviti-aktiviti pembelajaran informal digunakan sebagai pembolehubah bebas. Dapatan kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 18.0 dalam bentuk kekerapan,peratusan, min skor, korelasi dan analisis regresi. Dapatan kajian mendapati, tahap aktiviti pembelajaran informal dan prestasi kerja pekerja adalah berada pada tahap yang tinggi. Ujian Korelasi Pearson mendapati bahawa terdapat hubungan yang sederhana dan signifikan pada aras keertian 0.01 antara aktiviti pembelajaran informal dengan prestasi kerja. Aktiviti berkomunikasi merupakan aktiviti pembelajaran informal yang paling kerap diamalkan oleh pekerja kakitangan sokongan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Manakala analisis regresi pula mendapati bahawa aktiviti cuba dan uji merupakan aktiviti yang paling mempengaruhi prestasi kerja pekerja sokongan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the relationship between informal learning activities with employee performance in the Office of the State Secretary of Perlis. A total of 105 employees from the support group have been selected as samples. There are five objectives to be adjured, to examine the level of informal learning; to identify activities most frequently used, the level of performance, the relationship between informal learning activities with job performance and informal learning activities that influenced work performance. The dependent variable involved the work performance while informal learning activities are used as independent variables. The findings obtained are analyzed using the software Statistical Package for Social Science (SPSS) version 18.0 in the form of frequency, percentage, means scores, correlation and regression analysis. The level of informal learning activities and performance is high. Pearson correlation test found that there is a moderate and significant relationship at the level of significance between 0.01 between informal learning activities and job performance. Communication activity is an informal learning activity most frequently used. While regression analysis found that try and test is the most influence activity that affect the performance of support group of Perlis State Secretary's Office.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SIMBOL/SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
 BAB I	 PENDAHULUAN	 1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Tempat Kajian	5
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Persoalan Kajian	10
	1.5 Matlamat Kajian	11
	1.6 Objektif Kajian	11
	1.7 Hipotesis Kajian	12
	1.8 Skop Kajian	12
	1.9 Batasan Kajian	13
	1.10 Kepentingan Kajian	14

1.11	Definisi Konsep	15
	1.11.1 Pembelajaran Informal	15
	1.11.2 Prestasi Kerja	16
	1.11.3 Berkomunikasi	17
	1.11.4 Bekerjasama	17
	1.11.5 Pemerhatian	18
	1.11.6 Berkongsi Bahan Dan Sumber	18
	1.11.7 Pencarian Melalui Media Elektonik Dan Internet	19
	1.11.8 Pencarian Melalui Bahan Penerbitan	19
	1.11.9 Cuba Dan Uji	20
	1.11.10Kepuasan Pelanggan	20
	1.11.11Kemahiran Mencerap	21
	1.11.12Ekspresi Lisan	21
	1.11.13Kemahiran Menyelesaikan Masalah	22
	1.11.14Kakitangan Kumpulan Sokongan	22
1.12	Definisi Operasi	22
	1.12.1 Pembelajaran Informal	23
	1.12.2 Prestasi Kerja	23
	1.12.3 Berkomunikasi	24
	1.12.4 Bekerjasama	24
	1.12.5 Pemerhatian	24
	1.12.6 Berkongsi Bahan Dan Sumber	25
	1.12.7 Pencarian Melalui Media Elektonik Dan Internet	25
	1.12.8 Pencarian Melalui Bahan Penerbitan	25
	1.12.9Cuba Dan Uji	26
	1.12.10Komunikasi Dan Bekerjasama	26
	1.12.11Kepuasan Pelanggan	26
	1.12.12Kemahiran Mencerap	27
	1.12.13Ekspresi Lisan	27
	1.12.14Kemahiran Menyelesaikan Masalah	28
	1.12.15Kakitangan Kumpulan Sokongan	28
1.13	Rumusan	29

BAB II	KAJIAN LITERATUR	30
2.1	Pengenalan	30
2.2	Konsep Pembelajaran Informal	31
2.3	Konsep Prestasi Kerja	35
2.4	Teori Pembelajaran	37
2.4.1	Teori Behaviorisme	38
2.4.2	Teori Kognitivisme	39
2.4.3	Teori Humanistik	39
2.4.4	Teori Pembelajaran Sosial	40
2.4.5	Teori Pembelajaran Dewasa	42
2.5	Model Pembelajaran	43
2.5.1	Model Pembelajaran Informal dan Tidak Sengaja Marsick dan Watkins	43
2.5.2	Model Pembelajaran Arah Kendiri	46
2.6	Model Prestasi	48
2.6.1	Model Kriteria Prestasi Kerja Falcone (2005)	48
2.7	Kerangka Kajian	50
2.8	Kajian-Kajian Lepas	54
2.8.1	Kajian Luar Negara	54
2.8.2	Kajian Dalam Negara	57
2.9	Rumusan	61
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	62
3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	65
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	67
3.5	Instrumen Kajian	68
3.6	Skala Pengukuran	70
3.7	Kajian Rintis	71
3.8	Ujian Normaliti	73
3.9	Ujian Lineariti	79

3.10	Kaedah Penganalisan Data	79
3.10.1	Analisis Deskriptif	80
3.10.2	Analisis Korelasi Pearson	81
3.10.3	Analisis Regresi Berganda	82
3.11	Rumusan	83
BAB IV	ANALISIS DATA	84
4.1	Pengenalan	84
4.2	Analisis Deskriptif – Demografi Responden	85
4.3	Analisis Tahap Aktiviti Pembelajaran Informal	88
4.4	Analisis Aktiviti Pembelajaran Informal Yang Paling Kerap Digunakan.	89
4.5	Analisis Tahap Prestasi Kerja Di Kalangan Pekerja	99
4.6	Analisis Hubungan Antara Pembelajaran Informal dengan Prestasi Kerja.	106
4.7	Analisis Aktiviti Pembelajaran Informal Yang Paling Mempengaruhi Prestasi Kerja Pekerja.	107
4.8	Rumusan	109
BAB V	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	110
5.1	Pengenalan	110
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	111
5.2.1	Objektif 1 – Mengenalpasti tahap aktiviti pembelajaran informal di SUK Perlis	111
5.2.2	Objektif 2 – Mengenalpasti aktiviti pembelajaran informal yang paling kerap digunakan.	112
5.2.3	Objektif 3 – Mengenalpasti tahap prestasi kerja di SUK Perlis	113
5.2.4	Objektif 4 – Mengkaji hubungan	

	pembelajaran informal dengan prestasi kerja	114
5.2.5	Objektif 5 – Mengenalpasti aktiviti pembelajaran informal yang paling mempengaruhi prestasi kerja.	115
5.4	Batasan dan Implikasi Kajian	117
5.5	Cadangan Kajian	117
5.6	Penutup	128
	RUJUKAN	129
	LAMPIRAN	
	Lampiran A	142
	Lampiran B	145
	Lampiran C	153
	Lampiran D	155

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kriteria Prestasi Kerja Sumber: Falcone (2005)	48
3.1	Pecahan Bilangan Sampel Mengikut Bahagian	66
3.2	Taburan Item Bagi Soal Selidik	69
3.3	Skala Lima Mata Likert	70
3.4	Skala Lima Mata Likert (Dayton,1971)	71
3.5	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen	72
3.6	Ujian Normaliti Aktiviti Komunikasi	74
3.7	Ujian Normaliti Aktiviti Bekerjasama	74
3.8	Ujian Normaliti Aktiviti Pemerhatian	75
3.9	Ujian Normaliti Aktiviti Berkongsi Bahan Dan Sumber	75
3.10	Ujian Normaliti Aktiviti Pencarian Melalui Media Elektronik Dan Internet	76
3.11	Ujian Normaliti Aktiviti Pencarian Melalui Bahan Penerbitan	76
3.12	Ujian Normaliti Aktiviti Cuba Dan Uji	77
3.13	Ujian Normaliti Komunikasi Dan Kerjasama	77
3.14	Ujian Normaliti Kepuasan Pelanggan	77

3.15	Ujian Normaliti Kemahiran Mencerap	78
3.16	Ujian Normaliti Ekspresi Lisan	78
3.17	Ujian Normaliti Kemahiran Menyelesaikan Masalah	78
3.18	Julat Skor Min Bagi Mengenalpasti Tahap Aktiviti Pembelajaran Informal dan tahap Prestasi Kerja	80
3.19	Kekuatan Korelasi Pearson “Guiford Rule of Tumb”	81
3.20	Kaedah Analisis Yang Digunakan Bagi Setiap Objektif	83
4.1	Profil Demografi Responden	87
4.2	Skor Min Bagi Pembelajaran Informal.	88
4.3	Skor Min Bagi Strategi Pembelajaran Informal.	89
4.4	Tahap Keseluruhan Aktiviti Komunikasi	90
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti Komunikasi	91
4.6	Tahap Keseluruhan Aktiviti Bekerjasama	91
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti Bekerjasama	92
4.8	Tahap Keseluruhan Aktiviti Pemerhatian	92
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti Pemerhatian	93
4.10	Tahap Keseluruhan Aktiviti Berkongsi Bahan Dan Sumber	93
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti Berkongsi Bahan Dan Sumber	94
4.12	Tahap Keseluruhan Aktiviti Pencarian Melalui Media Elektronik Dan Internet	94
4.13	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti Pencarian Melalui Media Elektronik Dan Internet	95

4.14	Tahap Keseluruhan Aktiviti Pencarian Melalui Bahan Penerbitan	96
4.15	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti Pencarian Melalui Bahan Penerbitan	97
4.16	Tahap Keseluruhan Aktiviti Cuba Dan Uji	97
4.17	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti Cuba Dan Uji	98
4.18	Skor Min Bagi Prestasi Kerja	99
4.19	Skor Min Bagi Strategi Pembelajaran Informal.	99
4.20	Tahap Keseluruhan Komunikasi dan Kerjasama.	100
4.21	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Komunikasi dan Kerjasama	100
4.22	Tahap Keseluruhan Kepuasan Pelanggan	101
4.23	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kepuasan Pelanggan	101
4.24	Tahap Keseluruhan Kemahiran Mencerap	102
4.25	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran Mencerap	103
4.26	Tahap Keseluruhan Ekspresi Lisan	103
4.27	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Ekspresi Lisan	104
4.28	Tahap Keseluruhan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	104
4.29	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran Menyelesaikan Masalah	105

4.30	Korelasi antara Pembelajaran Informal dengan Prestasi Kerja.	106
4.31	Analisis Regresi Aktiviti Pembelajaran Informal Yang Paling Mempengaruhi Prestasi Kerja	107

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model Pembelajaran Informal Dan Pembelajaran Insidental Yang Diadaptasi Oleh Cseh (1999), Sumber : Marsick Dan Watkins (2000)	45
2.2	Komponen Pembelajaran Arahan Kendiri (LeJeune dalam Zulkarnain, 2006)	47
2.3	Kerangka Kajian	53
3.1	Rekabentuk kajian	64

SENARAI SIMBOL / SINGKATAN

KPI	-	<i>Key Performance Indicator</i>
RMK	-	Rancangan Malaysia Ke
SUK Perlis	-	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
S.A.W	-	Salauwal Alai Wasalam
YAB	-	Yang Amat Berhormat
YB	-	Yang Berhormat
ASTD	-	<i>American Society for Training and Development</i>
KPYPJ	-	Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Pengesahan	142
B	Borang Soal Selidik	145
C	Soalan Temuramah	153
D	Dapatan Analisis SPSS	155

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Globalisasi memberi cabaran baru kepada negara dalam menjamin pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan berdaya saing. Rancangan Malaysia yang Kesepuluh (RMK-10, 2011-2015) menekankan aspek membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia yang merupakan kesinambungan dari Rancangan Malaysia yang Kesembilan (RMK-9, 2006-2009) . Ia turut memberi penekanan pada pembangunan modal insan dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Sehubungan dengan itu, teras dasar pembangunan modal insan turut memberi fokus kepada latihan dan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti di semua peringkat lapisan masyarakat. Dasar ini menunjukkan bahawa pembelajaran sepanjang hayat merupakan salah satu strategi kerajaan dalam membangunkan modal insan negara terutama di kalangan pekerja bagi meningkatkan prestasi.

Tema ‘Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi’ bagi sambutan Hari Pekerja pada tahun 2010 pula jelas menunjukkan bahawa negara memerlukan tenaga kerja yang berinovasi, berpengetahuan, berkebolehan dan lebih bedaya saing bagi memastikan negara dapat mencapai kemajuan dan pembangunan sosio-ekonomi yang lebih mampan. Kemampuan negara untuk bersaing di pasaran global yang semakin mencabar terletak pada kualiti dan tahap produktiviti yang bergantung kepada modal insan khususnya warga pekerja di negara kita bagi meningkatkan prestasi kerja.

Keupayaan untuk mencapai dan mengekalkan prestasi kerja yang kompetensi dan cemerlang merupakan suatu objektif utama kepada sesebuah organisasi samada ianya adalah entiti yang berada di dalam sektor perkhidmatan awam atau pun di sektor swasta. Ini disokong oleh Robbins(1996) yang menyatakan prestasi kerja ialah keupayaan seseorang pekerja untuk mencapai matlamat objektif atau matlamat organisasinya. Oleh itu, dalam merealisasikan prestasi di peringkat negara, slogan 1 Malaysia iaitu “Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” telah diperkenalkan. “Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan” ini merupakan sebahagian daripada gagasan 1 Malaysia yang dicituskan oleh Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abd. Razak semasa beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 3 April 2009.

Manakala “Key Performance Indicator” (KPI) merujuk kepada sistem atau cara pengukuran kepada faktor-faktor kritikal yang menyumbang kepada kecemerlangan sesebuah organisasi berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005: Garis Panduan Bagi Mewujudkan Prestasi- Prestasi Petunjuk Utama atau KPI. KPI ini digunakan sebagai alat untuk menilai dan mengukur prestasi menteri-menteri kabinet. Pengukuran prestasi merupakan alat metrik untuk mengesan proses aktiviti seperti pematuhan kepada undang-undang, penggunaan “input” dan penghasilan “output” yang dikeluarkan, pencapaian matlamat polisi, atau lebih kompleks seperti kecekapan, produktiviti dan keberkesanan perbelanjaan. Prestasi dan pengukuran prestasi adalah berbeza

mengikuti kedudukan, tempat dan masa sesuatu aktiviti berlaku. Oleh itu, untuk menentukan prestasi dan pengukuran prestasi pegawai, satu set prosedur diperlukan untuk mentakrifkan prestasi, mengukurnya dan melibatkan ganjaran dan hukuman.

Dari sudut pandangan Islam, prestasi kerja didefinisikan sebagaimana firman Allah yang bermaksud: “Katakanlah wahai Muhammad kepada mereka beramallah kamu sebagaimana akan segala yang diperintahkanmu. Maka Allah, Rasulnya dan orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakannya dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui perkara yang ghaib dan nyata dan kemudian dia menerangkan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakannya.” (At-Taubah: 105). Selain itu, ketekunan dan kesempurnaan di dalam melakukan sesuatu pekerjaan adalah asas kepada prestasi kerja. Ini dijelaskan di dalam hadis Rasulullah dan firman Allah yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah suka seseorang apabila dia melakukan sesuatu kerja itu dengan tekun dan sempurna.” (Riwayat Baihaqi).

Selain itu agama Islam juga, menuntut umatnya mempelajari ilmu pengetahuan merupakan satu kewajipan kerana ilmu pengetahuan dapat meningkatkan prestasi seseorang individu. Ilmu yang digalakkan di dalam Islam bukan terbatas kepada ilmu-ilmu fardhu ain, malahan sebarang ilmu yang membawa faedah kepada diri, agama dan negara. Menuntut ilmu itu tidak terbatas sama ada lelaki mahupun perempuan, kanak-kanak mahupun dewasa, bekerja ataupun tidak bekerja (HR. Ibn Abdulbari). Nabi Muhammad S.A.W. bersabda: "Barangsiapa menginginkan soal-soal yang berhubungan dengan dunia, wajiblah ia memiliki ilmunya; dan barangsiapa yang ingin (selamat dan berbahagia) di akhirat, wajiblah ia mengetahui ilmunya pula; dan barangsiapa yang menginginkan kedua-duanya, wajiblah ia memiliki ilmu kedua-duanya pula." (HR. Bukhari dan Muslim) . Menuntut ilmu atau belajar itu tidak terbatas di institusi pendidikan sahaja malahan ia boleh didapati di mana-mana saja.

Ilmu boleh diperolehi melalui pembelajaran. Pembelajaran merupakan satu proses yang berlaku sepanjang hayat dan merupakan proses pembangunan yang menyeluruh dalam kehidupan (Ibrahim,2001). Menurut Mohd Azhar et.al (2004), proses pembelajaran boleh berlaku di mana-mana sahaja dan tidak terbatas kepada masa, ruang serta tempat. Melalui pembelajaran, seseorang individu akan dapat mempertingkatkan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran mereka. Tidak kiralah pembelajaran tersebut berbentuk formal, bukan formal atau informal. Ia amat penting kerana matlamat akhir sesuatu pembelajaran adalah unuk melahirkan modal insan yang berkualiti, dinamik, progresif serta mempunyai daya tahan yang unggul terutama dalam menghadapi arus globalisasi (Kerajaan Malaysia,2005).

Selain itu, pembelajaran merupakan satu proses yang berlaku secara berterusan dalam kehidupan manusia (Mazanah dan Carter, 2000). Ibrahim Saad (1992) menegaskan pembelajaran merupakan satu proses yang berlaku sepanjang hayat dan tidak terbatas kepada ruang, masa dan tempat. Pembelajaran bukan sahaja suatu persediaan untuk kehidupan tetapi sesuatu yang sangat penting untuk kejayaan dalam kehidupan berterusan (Harrison dan English, 2003).

Sehubungan dengan itu, Zubaidah Begam (2006) menyatakan terdapat tiga bentuk pembelajaran dewasa iaitu pembelajaran formal, bukan formal dan informal. Namun, menurut Cross (1981) hampir 70% daripada pembelajaran dewasa adalah berbentuk informal. Pernyataan tentang pembelajaran informal ini dapat menyokong dasar kerajaan ke arah pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran informal merupakan pembelajaran yang tidak berasaskan bilik darjah, tidak berstruktur dan autonomi pembelajaran dikawal sepenuhnya oleh pelajar itu sendiri (Marsick dan Watkins, 2001). Pembelajaran informal merupakan suatu kaedah yang sering diamalkan bagi mendapatkan ilmu pengetahuan di kalangan pekerja di negara ini. Pembelajaran informal mempunyai kepentingan yang tersendiri. Selain daripada

memberi ilmu pengetahuan bagi meningkatkan prestasi, pembelajaran informal juga dapat menggalakkan pembelajaran secara sendiri.

Pembelajaran informal turut didapati mampu mengurangkan kos pembelajaran yang dahulunya sering dilakukan secara formal dan memerlukan dana daripada pihak organisasi. Menurut Georgenson (dalam Elangoran dan Karakowsky, 1999), hampir 100 bilion dolar digunakan setiap tahun untuk pelaksanaan program-program latihan organisasi namun kira-kira 10% sahaja pelaburan yang berjaya memberi perubahan gelagat atau tingkahlaku untuk diaplikasikan dalam kerja yang sebenar. Hal ini memberi kesedaran bahawa organisasi pada masa kini tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada pembelajaran formal untuk memperbaiki prestasi dan meningkatkan produktiviti pekerja mereka.

Jelasnya, kemampuan organisasi untuk bersaing dalam pasaran tempatan mahupun global yang semakin mencabar adalah terletak pada kualiti dan tahap produktiviti pekerja yang mempunyai pengetahuan dan berprestasi serta mempunyai minda kelas pertama. Peningkatan prestasi daripada pengetahuan yang diperolehi hasil daripada pembelajaran memberikan nilai tambah bukan sahaja kepada individu tetapi pada organisasi terutama untuk merealisasikan objektif organisasi.

1.2 Latar Belakang Tempat Kajian

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (SUK Negeri Perlis) merupakan organisasi yang mengurus dan mentadbir Negeri Perlis yang mempunyai keluasan 810 km² dan kepadatan pendudukan sebanyak 244.9/km² iaitu seramai 215000 orang.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis atau lebih dikenali dengan panggilan Pejabat “Bangunan Jam Besar” telah dibina dalam zaman pemerintahan Raja Syed Alwi. Ia telah berfungsi sebagai Ibu Pejabat Kerajaan Negeri sejak dari dulu lagi. Semenjak ditubuhkan sehingga sekarang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Dari tahun 1948 hingga kini, seramai 20 orang setiausaha kerajaan telah mengetuai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

Sehubungan dengan itu buat masa sekarang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis diterajui atau diketuai oleh YB SUK iaitu YB. Dato' Azizan bin Hamid. Melalui carta organisasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, di bawah pentadbiran YB SUK terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Pembangunan SUK dan Bahagian Pengurusan SUK yang diterajui oleh Timbalan Pembangunan SUK yang diketuai oleh Pn. Fauziah binti Hashim dan manakala Timbalan Pengurusan SUK diketuai oleh En. Zulkafli bin Ahmad.

Bagi mencapai misi sebagai “Peneraju pentadbiran awam negeri yang terunggul bagi mencapai wawasan Perlis Maju 2015”. Di bawah pentadbiran Timbalan Pembangunan SUK terbahagi kepada beberapa unit iaitu:

- i. Unit Perancangan Ekonomi Negeri
- ii. Unit Pentadbiran Daerah
- iii. Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Manakala di bawah pentadbiran Timbalan SUK Pengurusan terbahagi kepada:

- i. Unit DUN MMK
- ii. Bahagian Khidmat Pengurusan
- iii. Unit Protokol

- iv. Majlis Sukan Negeri
- v. Unit Audit Dalam
- vi. Unit Pengurusan Korporat
- vii. Pengurusan Sumber Manusia
- viii. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

(Sumber : <http://www.perlis.gov.my/>)

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Laporan statistik Jabatan Pekerja Amerika Syarikat melaporkan bahawa 70% pembelajaran baru diperolehi melalui pembelajaran informal di tempat kerja (Benson, 1997). Laporan jabatan tersebut juga menunjukkan kos upah dan gaji yang bergabung dengan pembelajaran informal adalah sebanyak US 48.4 billion setahun, antara gambaran yang lebih kurang sama terhadap anggaran kos latihan formal setahun. Berdasarkan laporan ini didapati bahawa pembelajaran informal merupakan satu kaedah pembelajaran yang penting pada masa kini terutama dalam kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia.

Justeru itu berdasarkan laporan tersebut pengkaji, berminat mengkaji pembelajaran informal di kalangan pekerja di Malaysia. Sehubungan dengan itu, pengkaji memilih Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (SUK, Perlis) bagi melihat sejauhmana hubungannya dengan prestasi kerja berdasarkan isu yang telah dibangkitkan oleh pentadbiran organisasi tersebut. Hal ini demikian kerana, menurut Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Unit Protokol), Encik Norshahidi Bin Ismail, Perlis merupakan sebuah negeri yang kecil dan hanya mengharapkan kepada

sektor pelancongan dan pertanian dalam sumber ekonominya. Memandangkan situasi itu, kerajaan negeri perlu memikirkan sesuatu yang lebih efisien yang boleh menjimatkan kewangan dan masa dalam menguruskan dan meningkatkan prestasi kerja organisasi. Sehubungan dengan itu, menurut pandangan beliau bahawa faktor yang dapat meningkatkan prestasi kerja adalah melalui pembelajaran sendiri atau pengalaman kerja. Pengalaman kerja ini boleh diperolehi daripada aktiviti komunikasi, bekerjasama, pemerhatian dan sumber-sumber daripada sekeliling.

Selain itu, menurut Pembantu Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Perlis (Khidmat Pengurusan) iaitu Puan Faraisha Adira Binti Yahya bagi meningkatkan prestasi kerja, sebanyak 85 peratus dalam perancangan tahunan organisasi adalah melibatkan latihan dan latihan tersebut adalah melibatkan semua peringkat pekerja. Latihan yang diberikan adalah sebanyak tujuh hari dalam masa setahun. Organisasi menjangkakan prestasi kerja pekerja menjadi lebih baik menerusi latihan yang dijalankan tetapi pada hakikatnya tidak semua pekerja mencapai tahap tersebut kerana latihan yang disampaikan mungkin tidak bersesuaian dengan keperluan kerja mereka. Terdapat juga pekerja yang tidak memandang serius terhadap program latihan yang dijalankan mungkin disebabkan pekerja tidak menyedari bahawa latihan itu penting dalam meningkatkan prestasi kerja mereka. Sekiranya program latihan ini gagal, hal ini akan merugikan kerajaan dan boleh menurunkan prestasi kerja sekaligus misi SUK Perlis untuk “Memacu perkhidmatan yang berorientasikan modal insan yang berintegriti dan berprestasi tinggi bagi melahirkan masyarakat yang lebih maju” tidak akan tercapai.

Menurut beliau juga, SUK Perlis juga mengamalkan budaya yang berteraskan orientasi pelanggan atau perkhidmatan di mana pekerja sentiasa berurusan dengan pelanggan. Hubungan bersama pelanggan sangat dipelihara bagi memastikan setiap urusan berjalan lancar. SUK Perlis juga berpegang kepada prinsip “*delivery mistake zero*” iaitu memastikan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Berdasarkan prinsip ini, pekerja akan lebih berprestasi dalam menguruskan permintaan dan memuaskan hati pelanggan. Namun tidak semua pekerja berjaya menguruskannya dengan baik kerana setiap individu mempunyai cara yang berbeza dalam mengendalikan urusan kerja mereka terutamanya apabila berurusan dengan pelanggan yang mempunyai pelbagai ragam.

Elemen seterusnya ialah kerja berkumpulan juga merupakan satu budaya dalam melaksanakan tugas. Meskipun pada kebiasaan pekerja di SUK Perlis lebih tertumpu kepada tugas berbentuk individu tetapi pada satu keadaan tugas tersebut akan melibatkan kumpulan kerana mereka perlu berbincang dan mencari penyelesaian terbaik bagi mendapatkan hasil yang efektif. Semangat kerja berkumpulan yang tinggi penting untuk kerjasama dan komunikasi antara ahli yang akan memelihara prestasi sesuatu kumpulan kerja secara efektif. Walau bagaimanapun, menurut beliau tidak semua pekerja yang cenderung untuk menggerakkan kerja secara berkumpulan kerana banyak menimbulkan konflik dan ketidaksefahaman di kalangan mereka. Ini menunjukkan komunikasi mereka lemah dan kurang bekerjasama. Kumpulan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka berkemungkinan besar menghadapi masalah prestasi kerja.

Sehubungan dengan itu, menurut Puan Faraisha Adira Binti Yahya juga melalui mesyuarat yang pernah dilaksanakan sebelum ini, YB. Dato' Azizan bin Hamid iaitu YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sangat berminat untuk menggalakkan kakitangannya dalam Pembelajaran Informal. Hal ini demikian kerana, menurut beliau pembelajaran merupakan sepanjang hayat dan melalui pembelajaran ditempat kerja juga dapat menyelesaikan masalah sekaligus dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran supaya boleh meningkatkan prestasi kerja supaya visi "Peneraju pentadbiran awam negeri yang terunggul bagi mencapai wawasan Perlis 2015" dapat tercapai

Justeru, berdasarkan semua situasi tersebut maka pembelajaran informal menjadi aspek menarik untuk dikaji kerana pengaruh pembelajaran informal tersebut membawa kepada implikasi besar terutamanya kepada anggota organisasi. Selain itu, adalah penting untuk mengetahui sama ada pembelajaran informal yang diamalkan oleh kakitangan di SUK Perlis selama ini adalah konsisten dan dapat meningkatkan prestasi kerja oleh semua pekerja atau memerlukan perubahan. Jika tiada sebarang kajian mengenai perkara ini maka tiada apa yang akan berubah menjadi suatu yang lebih baik dan memberi keuntungan kepada organisasi kerana pekerja akan terbiasa dengan amalan kerja yang sedia ada serta prestasi kerja akan lebih mendatar.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap aktiviti pembelajaran informal pekerja SUK Perlis?
- ii. Apakah aktiviti pembelajaran informal yang paling kerap digunakan oleh pekerja SUK Perlis?
- iii. Apakah tahap prestasi kerja pekerja SUK Perlis?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara pembelajaran informal dengan prestasi kerja?
- v. Apakah aktiviti pembelajaran informal yang paling mempengaruhi prestasi kerja?

1.5 Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara pembelajaran informal dan prestasi kerja. Selain itu kajian ini juga mahu melihat tahap pembelajaran informal dan prestasi kerja di kalangan pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Sehubungan dengan itu, matlamat kajian ini juga untuk mengenalpasti aktiviti pembelajaran informal yang paling kerap digunakan oleh pekerja SUK Perlis. Di akhir kajian juga diharapkan kajian ini boleh mengetahui aktiviti pembelajaran informal yang paling mempengaruhi prestasi kerja di kalangan pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai lima objektif utama iaitu:

- i. Menenalpasti tahap aktiviti pembelajaran informal pekerja SUK Perlis.
- ii. Menenalpasti aktiviti pembelajaran informal yang paling kerap digunakan oleh pekerja SUK Perlis.
- iii. Menentukan tahap prestasi kerja pekerja SUK Perlis.
- iv. Mengkaji hubungan antara pembelajaran informal dengan prestasi kerja.
- v. Menenalpasti aktiviti pembelajaran informal yang paling mempengaruhi prestasi kerja.

1.7 Hipotesis Kajian

- i. H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi kerja dengan pembelajaran informal.
 H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi kerja dengan pembelajaran informal.
- ii. H_1 : Terdapat aktiviti pembelajaran informal yang paling mempengaruhi prestasi kerja.
 H_0 : Tidak terdapat aktiviti pembelajaran informal yang paling mempengaruhi prestasi kerja.

1.8 Skop Kajian

Pembelajaran boleh berlaku dalam tiga spektrum utama iaitu pembelajaran formal, pembelajaran non-formal dan pembelajaran informal (Livingstone, 2000). Bagi kajian ini, skop kajian yang menjadi fokus adalah pembelajaran informal. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aktiviti pembelajaran informal dikalangan kakitangan sokongan SUK Negeri Perlis. Kajian ini juga menjurus kepada aktiviti pembelajaran informal yang dilakukan sendiri oleh kakitangan tersebut bagi meningkatkan prestasi mereka dan sebagai tambahan kepada pengetahuan yang telah dibekalkan oleh jabatan.

Selain itu, skop kajian ini turut menyentuh aspek ciri-ciri prestasi kerja yang diadaptasi daripada model kajian yang dibina oleh Falcone (2005) iaitu kemahiran mencerap, komunikasi dan kerjasama, kepuasan pelanggan, kemahiran menyelesaikan masalah ekspresi lisan yang mempunyai persamaan dengan aktiviti kerja kebanyakannya kumpulan kakitangan tersebut. Skop kajian yang lebih terperinci terarah kepada fokus untuk mengenalpasti aktiviti pembelajaran informal yang berlaku di kawasan kajian dan hubungannya dengan prestasi kerja.

1.9 Batasan Kajian

Terdapat pelbagai kekangan yang dikenalpasti sepanjang kajian ini dilakukan. Antara kekangan yang dikenalpasti adalah:

- i. Kajian ini hanya kepada kakitangan daripada kumpulan kakitangan sokongan di SUK Negeri Perlis, maka hasil kajian ini hanya dapat digeneralisasikan kepada populasi kumpulan tersebut sahaja dan tidak dapat mencerminkan keseluruhan kakitangan SUK Negeri Perlis.
- ii. Kajian ini bergantung sepenuhnya terhadap soal selidik yang diedarkan. Oleh itu, keputusan dan kesempurnaan kajian ini bergantung kepada kejujuran serta kerjasama yang diberikan oleh responden.
- iii. Keputusan kajian menggambarkan kepada keadaan pada masa kini dan hanya benar pada waktu kajian ini dibuat dan pada masa akan datang, ia bergantung kepada kehendak dan matlamat organisasi.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini mempunyai beberapa kepentingan yang akan dapat digunakan oleh pelbagai pihak. Antara kepentingannya ialah:

a) Individu

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu dalam perkembangan pembelajaran informal di tempat kerja khususnya kakitangan SUK Negeri Perlis. Kajian ini juga memberikan pengalaman yang lebih mendalam kepada pengkaji khususnya dalam menjalankan penyelidikan.

b) Bidang kerja

Hasil kajian ini diharapkan dapat menambahkan lagi jumlah kajian berkaitan dengan pembelajaran informal. Data-data kajian ini diharapkan dapat diaplikasikan untuk meningkatkan dan menggalakkan penyertaan pekerja dalam pembelajaran informal. Dapatan kajian ini juga akan digunakan untuk merancang kaedah yang bersesuaian dengan pembelajaran informal dikalangan kakitangan SUK Negeri Perlis untuk mempertingkatkan warganya dalam prestasi kerja.

c) SUK Negeri Perlis

Kajian ini diharapkan dapat memberikan kesedaran dan maklumat yang sahih kepada pihak pentadbiran SUK Negeri Perlis berkaitan dengan kepentingan proses pembelajaran berterusan terutama pembelajaran informal di kalangan warganya. Pihak pengurusan juga boleh mempertingkatkan kemudahan pembelajaran yang sedia ada bagi menyediakan kakitangan yang berprestasi serta menggalakkan penyertaan atau penglibatan kakitangan SUK Negeri Perlis dalam pembelajaran informal

d) Penyelidik lain

Dapatan kajian ini diharapkan akan memberikan satu lagi sumbangan kepada penyelidik lain terutamanya sebagai input bahan rujukan dan panduan ke arah penambahbaikan instrumen dalam bidang pembelajaran

1.11 Definisi Konseptual

